

04/05/1999

Kerajaan kaji cadangan penyelesaian isu Clob

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan sedang mengkaji beberapa cadangan yang dikemukakan untuk penyelesaian isu Central Limit Order Book (Clob) yang dikatakan ditawarkan sekumpulan pelabur Malaysia kepada Bursa Saham Singapura (SES), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun pelabur Clob sebenarnya tidak sepatutnya menerima faedah daripada pemulihan pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur (BKSJ), kerajaan sedia untuk bertolak ansur.

"Kami menerima beberapa cadangan mengenai isu penyelesaian Clob, tetapi belum membuat sebarang keputusan.

"Kita masih mengkaji cara penyelesaiannya dan ada antara cadangan itu mungkin diterima dan ada yang mungkin tidak, ia membabitkan beberapa perkara termasuk prestasi pasaran saham," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini, malam ini.

Semalam, SES dilaporkan akan membuat pengumuman hari ini sama ada menerima atau tidak tawaran sekumpulan pelabur swasta Malaysia mengenai cadangan penyelesaian isu Clob.

Penyelesaian isu itu dijangka membuka saluran yang rasmi kepada pelabur Singapura untuk melabur semula secara besar-besaran ke dalam BSKJ selepas menyepi berikutan dagangan saham Malaysia di Clob digantung.

Baru-baru ini seorang usahawan Singapura, Akhbar Khan, mengemukakan rancangan untuk membuat tawaran tunai ke atas sebahagian besar premium saham, manakala bakinya dijelas menerusi pegangan saham dalam syarikat yang akan ditubuhkannya untuk menempatkan saham Clob.

Menjawab soalan bahawa ada pelabur saham Singapura yang tidak berpuas hati dengan tawaran yang dibuat terutama membabitkan pembelian saham pada harga diskaun dan berharap untuk menerima penyelesaian seimbang (equitable solutions), Dr Mahathir berkata:

"Saya sangsi mereka berasa gembira dengan sebarang cadangan dibuat, kecuali jika mereka mendapat faedah sepenuhnya. Kebanyakan mereka bertanggungjawab dengan kejatuhan pasaran saham negara ini.

"Saya tidak fikir mereka secara moral berhak untuk mendapat sebarang faedah daripada negara ini, mereka adalah orang yang bertanggungjawab menjunamkan harga pasaran negara ini dari indeks 1,400 kepada indeks terendah pernah dialami Malaysia pada September lalu," katanya.

(END)